

20 JUN 2001

UMNO: HANYA LAPAN WAKIL NEGERI BAHAS USUL

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno malam ini memutuskan hanya lapan wakil Badan Perhubungan Umno negeri akan membahaskan dua usul iaitu usul pendidikan dan ekonomi serta agama.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata ia merupakan satu perubahan berbanding perhimpunan agung parti yang lepas yang membenarkan wakil Umno semua negeri membahaskan setiap usul.

"Tetapi kali ini, untuk memberi masa yang panjang kepada semua wakil, hanya usul ucapan Presiden semua wakil negeri ambil bahagian," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat khas MT sempena perhimpunan agung Umno ke-55 yang bermula esok.

Perhimpunan kali ini dijangka dihadiri oleh 2,027 orang daripada 165 bahagian Umno di seluruh negara.

Dr Mahathir berkata perbahasan usul pendidikan dan ekononmi membabitkan seorang pencadang, seorang penyokong dan enam wakil umno negeri manakala usul agama pula dibahaskan mengikut jumlah yang sama tetapi dari wakil negeri-negeri yang tidak membahaskan usul pendidikan dan ekonomi.

"Harap semua ini boleh ikut jadual dan MT setuju dengan usul-usul yang akan dibentangkan," katanya.

Dr Mahathir juga menyatakan rasa puas hati terhadap perjalanan perhimpunan agung Pemuda dan Wanita Umno hari ini.

-- BERNAMA

RZS MHI HS FAZ